

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD ZAIM B. ABU
HASAN [PARIT]
TARIKH :
SOALAN :

YB Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha yang diambil bagi untuk mendidik masyarakat tentang penyakit-penyakit seperti jantung, Diabetis dan kemurungan yang semakin meningkat di negara ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan aktiviti untuk mendidik masyarakat tentang bahaya penyakit-penyakit seperti jantung, diabetis dan kemurungan yang amat berkait rapat dengan amalan cara hidup individu, persekitaran serta faktor ekonomi dan sosial. Pelbagai program telah dilaksanakan iaitu melibatkan pelbagai kumpulan sasar dan pendekatan antaranya:

Untuk generasi muda melibatkan:

- i) tadika
- ii) sekolah rendah
- iii) sekolah menengah dan
- iv) universiti / kolej

Aktiviti untuk mendidik masyarakat di Institusi pendidikan dilaksanakan dengan menggunakan platform Program Doktor Muda di sekolah rendah dan sekolah menengah. Murid-murid diberi kesedaran, pengetahuan serta kemahiran dalam isu-isu kesihatan antaranya berkaitan penyakit tidak berjangkit melalui murid yang dilantik sebagai rakan sebaya kesihatan.

Selain itu, aktiviti pendidikan juga diadakan melalui Program Siswa Sihat (PROSIS) di Institusi Pengajian Tinggi untuk memperkasa siswa/i dalam mengamalkan cara hidup sihat.

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk Masyarakat Dewasa melibatkan:

- i) pendidikan pesakit di hospital dan klinik kesihatan
- ii) Inisiatif KOSPEN di komuniti dan
- iii) Tempat Kerja

Tuan Yang di-Pertua,

Di hospital dan klinik kesihatan telah melaksanakan aktiviti pendidikan kepada pesakit dan ahli keluarga yang disampaikan oleh anggota kesihatan.

Di samping itu, inisiatif "Komuniti Sihat Perkasa Negara" (KOSPEN) juga dilaksanakan bertujuan untuk memperkasakan rakyat Malaysia dalam penjagaan sendiri bagi mengurangkan beban penyakit tidak berjangkit di Malaysia dengan menggunakan mekanisma kerajaan di peringkat akar umbi. Perlaksanaan inisiatif ini berkonsepkan *holding hands* di mana KKM memberi panduan teknikal kepada sukarelawan yang akan melaksanakan aktiviti komuniti dan sukarelawan yang telah dilatih ini akan memainkan peranan sebagai *agent of change* bagi membentuk amalan sihat dalam kalangan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua,

Aktiviti mobilisasi komuniti juga dijalankan melalui karnival dan kem kesihatan untuk menggalakkan masyarakat mengamalkan cara hidup sihat. Pelbagai aktiviti diadakan seperti berjalan 10 000 langkah, kaunseling pemakanan, ceramah, demonstrasi masakan sihat, pameran dan aktiviti interaktif untuk kanak-kanak dan dewasa yang mana menjurus kepada modifikasi cara hidup (*lifestyle modification*) kepada yang lebih sihat. Selain maklumat pemakanan sihat, aktiviti ini turut menyentuh amalan cara hidup sihat yang lain seperti lakukan

aktiviti fizikal, tidak merokok, pupuk minda sihat dan sihat tanpa alkohol.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menyokong kesemua aktiviti-aktiviti yang dijalankan, penerbitan bahan-bahan pendidikan kesihatan turut dilaksanakan dan diedarkan ke seluruh negeri. Bahan-bahan pendidikan serta informasi terkini mengenai maklumat kesihatan boleh diakses menerusi laman web yang disediakan (www.infosihat.gov.my) bagi memudahkan masyarakat untuk memperoleh maklumat yang diperlukan. Malahan penggunaan media sosial dalam hebahan maklumat berkaitan kesihatan turut dipergiatkan. Sesi-sesi ceramah juga diadakan seluruh negara serta menggunakan media konvensional secara meluas untuk menyiarkan iklan-iklan kesihatan untuk masyarakat.

Tuan Yang DiPertua,

KKM telah mengoptimumkan penggunaan pelbagai jenis kemudahan dan melaksanakan pelbagai kaedah dalam penyampaian maklumat dengan matlamat mewujudkan masyarakat Malaysia yang sihat. Oleh itu, masyarakat Malaysia hendaklah menggunakan segala kemudahan tersebut bagi memperkasakan diri dalam menjalani cara hidup sihat, mengetahui status kesihatan diri dengan melakukan pemeriksaan kesihatan berkala untuk menghindari penyakit-penyakit tidak berjangkit.